

30 keluarga terima sumbangan WAAG



RA'ES Jawatankuasa Eksekutif Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof (kiri) menyampaikan sumbangan kepada penerima (atas). Manakala gambar bawah, sumbangan disempurnakan oleh Bendahari WAAG Brunei Darussalam, Haji Abdul Aziz bin Haji Akup (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Mei. - Ramadan hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi

akan melabuhkan tirainya dan diikuti pula bulan Syawal yang akan menjelang tiba sebagai tanda



umat Islam akan meraikan Aidilfitri, iaitu hari kemenangan.

Kegembiraan tanda syukur atas nikmat kemenangan melawan hawa nafsu sepanjang bulan Ramadan itu dikongsi sama oleh Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam melalui Program Khayrat Azhari dengan memberikan bantuan barang keperluan dapur untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh keluarga yang terpilih dalam senarai pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Sumbangan yang merupakan hasil kutipan daripada ahli WAAG itu diserahkan kepada 30 penerima terdiri dari golongan kurang berkemampuan di keempat daerah, iaitu seramai 15 buah keluarga di Daerah Brunei dan Muara dan lima buah keluarga masing-masing bagi Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Selain itu juga, sumbangan turut diberikan kepada pekerja-pekerja asing dan pelajar-pelajar luar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan sumbangan ini diadakan secara serentak di kesemua daerah yang disampaikan oleh Jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam.

Bagi Daerah Belait, sumbangan disempurnakan oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof sementara bagi Daerah Tutong pula, sumbangan disempurnakan oleh Bendahari WAAG Brunei Darussalam, Haji Abdul Aziz bin Haji Akup.

Sumbangan derma ceriakan anak-anak yatim



PENOLONG Ketua Kelab Motohead Brunei MG, Awang Haji Mahadi bin Abdullah (tengah) semasa menyerahkan sumbangan kepada salah seorang anak yatim yang menuntut di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Haji Muhammad Saiful Rizal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Mei. - Bersempena kedatangan bulan Syawal yang tidak lama lagi dan untuk meriah lagi pahala yang berlipat ganda dengan bersedekah pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kelab Motohead Brunei MG dengan kerjasama Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali sekali lagi mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma berupa barang asasi kepada

anak-anak yatim yang menuntut di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampung Salambigar.

Seramai 20 anak-anak yatim yang terpilih dan menuntut di sekolah berkenaan menerima sumbangan tersebut baru-baru ini yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma tersebut disempurnakan oleh Penolong Ketua Kelab Motohead Brunei

MG, Awang Haji Mahadi bin Abdullah dan menyerahkan sumbangan berbentuk barang keperluan asasi kepada anak-anak yatim yang terpilih.

Dalam masa yang sama, majlis tersebut turut menyaksikan, Pemangku Pengetua, Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim turut menyerahkan sumbangan berkenaan kepada anak-anak yatim yang menuntut di sekolah tersebut.

Sumbangan barang keperluan asasi ini diharap akan dapat membantu memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan kepada anak-anak yatim sekali gus menanamkan rasa prihatin terhadap anak-anak yatim di negara ini terutama sekali persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh guru-guru, ahli-ahli kumpulan berkenaan dan turut menyahut saranan serta nasihat dari Kementerian Kesihatan, dengan mengamalkan langkah-langkah kewaspadaan, seperti melakukan penjaraan sosial dan fizikal.

Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderamata kepada Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dari Kelab Motohead Brunei MG yang disampaikan oleh Setiausaha Kelab Motohead Brunei MG, Awang Mohd. Sahrin bin Dulah kepada Pemangku Pengetua, Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bagi Daerah Brunei dan Muara, sumbangan disampaikan oleh Naib Ra'es I WAAG Brunei Darussalam, Yang Arif Awang Haji Johar bin Haji Muhamad.

Sementara bagi Daerah Temburong pula, sumbangan disampaikan oleh Naib Ra'es II WAAG Brunei Darussalam, Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Antara objektif program ini diadakan ialah untuk mengerakkan fungsi WAAG sebagai salah sebuah pertubuhan NGO yang turut membantu masyarakat Brunei dalam

sama-sama mengendalikan kegiatan dan aktiviti yang berunsurkan keilmuan, keagamaan dan kebajikan.

Program ini juga bertujuan untuk menerapkan sikap prihatin dan kasih sayang terhadap golongan yang susah serta menanamkan sifat kedermawanan melalui sedekah dalam kalangan ahli WAAG.

WAAG Brunei Darussalam pada tahun ini genap dua tahun usia penubuhannya pada 7 Mei 2018 dan sehingga kini, keahliannya sudah mencecah seramai 700 orang.

Ringankan beban ibu tunggal menjelang Syawal

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau, Awang Hilmy bin Haji Ahmad menyampaikan sumbangan kepada penerima secara pandu lalu.

MENTIRI, Ahad, 17 Mei. - Seramai 31 ibu tunggal yang bermastautin di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau yang dipilih pada tahun ini untuk menerima sumbangan berupa barang keperluan asasi daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Kampung Panchor Mengkubau serta keluarga terdekat MPK berkenaan.

Sumbangan dibuat melalui drive-thru yang diserahkan oleh



DAYANG Zalina binti Awang semasa ditemu bual.

Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Hilmy bin Haji Ahmad dan Timbalan Pengerusi MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau, Haji Awang Md. Eddie Hardey bin Haji Ibrahim di Jalan Bukit Sinadur, RPN Kampung Panchor Mengkubau.

Majlis yang dikelolakan oleh Biro Wanita dan Biro Perekonomian MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau itu diadakan buat kali ke-4 di dalam Program Indahnya Berbagi di Bulan Mulia (bulan Ramadan) bagi Tahun 2020 yang bertujuan untuk memelihara kebajikan dan berkongsi kegembiraan buat ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim dalam sama-sama menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan juga menyambut kedatangan bulan Syawal yang bakal menjelang tiba.

Dayang Zalina binti Awang semasa ditemu bual melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau atas pemedulian yang diberikan kepada mereka sekeluarga.

Katanya lagi, sumbangan tersebut sedikit sebanyak akan dapat membantu mengurangkan lagi beban yang ditanggung oleh beliau dan anak-anaknya.